

PM perjelas mengapa

BH 28 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kakitangan awam tidak diberi bonus dalam Belanjawan kali ini kerana mereka baru menikmati kenaikan gaji 10 peratus.

Perdana Menteri berkata, kenaikan gaji 10 peratus itu sebenarnya sudah melebihi bonus sebulan gaji, selain pada Belanjawan kali ini kerajaan turut mengurangkan cukai yang bermakna memberi pendapa-

tan lebih kepada mereka.

"Kita dah naikkan gaji kakitangan awam 10 peratus. Sepuluh peratus ini lebih daripada satu bulan gaji. Kita bayar bonus kalau kita mendapat pendapatan yang lebih.

"Sebaliknya, kita sudah mengurangkan cukai dan ini bermakna ramai kakitangan awam mungkin tidak perlu bayar cukai. Jadi, secara tak langsung ini juga menyumbang kepada pendapatan mereka," katanya pada

sidang akhbar selepas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin membentangkan Belanjawan 2001 di Dewan Rakyat, hari ini.

Dr Mahathir menjelaskan demikian ketika diminta mengulas harapan kakitangan awam untuk mendapatkan bonus dalam Belanjawan 2001, seperti yang dinikmati beberapa tahun sebelum ini.

Bagaimanapun, dalam Belanjawan 2001, kerajaan mencadangkan supaya

tiada bonus

kadar rebat dinaikkan kepada RM350 bagi pembayar cukai dan RM350 bagi isteri untuk meningkatkan pendapatan boleh guna dan selanjutnya merangsang penggunaan.

Kumpulan berpendapatan bercukai yang layak mendapat rebat itu juga diperluaskan meliputi kumpulan pendapatan bercukai RM35,000.

Dr Mahathir berkata, pengurangan cukai itu secara tidak langsung menyumbang kepada pendapatan pe-

kerja, selain beberapa elaun yang diberi kepada pekerja tertentu, iaitu polis, tentera, bomba, kastam, doktor dan guru besar.

Mengenai Belanjawan kali ini, beliau berkata seperti tahun lalu, Belanjawan 2001 adalah untuk rakyat, terutama yang berpendapatan rendah.

"Kita berjaya mengurangkan cukai

LIHAT MUKA 2

Guna rebat dengan bijak: Daim

BH 28 OCT 2000
DARI MUKA 16

sebanyak RM434 juta.

Daim berkata, langkah itu sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pendapatan boleh guna dan menggalakkan penggunaan domestik yang kemudiannya akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

"Pembayar cukai harus menggunakan rebat ini dengan bijak untuk meningkatkan mutu hidup mereka sambil menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi," katanya.

Katanya, kerajaan harus terus melaksanakan rejim cukai yang rendah untuk menggalakkan penggunaan domestik serta meningkatkan daya saing negara.

Undang-undang cukai juga akan dipinda bagi membolehkan wanita yang suaminya tidak mempunyai pendapatan, diberikan pelepasan suami sebanyak RM3,000. Cadangan pindaan ini mengiktiraf wanita sebagai penyumbang ekonomi.

Belanjawan 2001 yang mendapat jolakan *futuristic economy* kerana turut memberi penekanan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi), sebenarnya memenuhi jangkaan banyak pihak apabila Daim mengumumkan levi keluar 10 peratus yang dikenakan ke atas penghantaran pulang keuntungan portfolio selepas setahun di Malaysia akan dihapuskan.

Daim berkata, langkah itu diambil berikutan persekitaraan pasaran modal sekarang yang lebih menyakinan.

Sebelum levi keluar 10 peratus dikenakan, kerajaan mengenakan kawalan modal berpilih-pilih pada 1 September 1998 yang mewajibkan modal pelaburan portfolio berada di Malaysia sekurang-kurangnya 12 bulan.

Antara langkah insentif lain yang diumumkan kerajaan termasuk, insentif cukai industri yang digalakkan yang tamat tahun ini dilanjutkan sehingga 2005.